



***KAJIAN TAHAP KESEDARAN MURID-MURID SEKOLAH MENENGAH DI
WILAYAH PERSEKUTUAN, KUALA LUMPUR
MENGENAI BAHAYA KEBAKARAN***

MATLIN BIN SITAM

FK 1998 25

**KAJIAN TAHAP KESEDARAN MURID-MURID
SEKOLAH MENENGAH
DI WILAYAH PERSEKUTUAN, KUALA LUMPUR
MENGENAI BAHAYA KEBAKARAN**



**Projek Ini Dikemukakan Bagi Memenuhi Syarat Untuk
Penganugerahan Ijazah Sarjana Sains
Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia**

November 1998

KANDUNGAN

Mukasurat

PENGHARGAAN	iv	
SENARAI JADUAL	v	
ABSTRAK	vii	
BAB		
I	Pengenalan	1
	Latarbelakang	1
	Kenyataan Masalah	3
	Objektif Kajian	4
	Kepentingan Kajian	4
	Skop Kajian	5
	Batasan Kajian	6
	Hipotesis Kajian	7
II	KAJIAN BAHAN BERTULIS	9
III	LATARBELAKANG SEKOLAH	12
	S.M.K. Cheras	12
	S.M.K. Bandar Tun Razak	14
IV	PROJEK DAN PELAKSANAAN	17
	Populasi	17
	Kriteria Sampel	17
	Sais Sample	17
	Methodologi Kajian	17
	Jangkaan Hasil	18
	Kaedah Analisis Data dan Hipotesis Kajian	18
	Tempat Kajian	23
	Subjek Kajian	23
	Penilaian Kajian	24

V	KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	26
VI	PENUTUP	65
	Keputusan Ujian Hipotesis	65
	Rumusan	68
	Bibliografi	71

RUJUKAN

Lampiran

- A - Borang Soalselidik
- B - Purata dan Sisihan Piawai

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih terutamanya kepada Dr. Mohamed Bin Daud selaku Penyelia Projek dan Dr. Nor Mariah Adam selaku Penyelia Bersama yang telah memberi nasihat dan tunjukajar kepada saya dalam menyediakan kajian ini. Jutaan terima kasih juga kepada YAS Dato Ketua Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia kerana telah memberi peluang kepada saya untuk mengikuti program Sarjana Sains Perancangan dan Respon Kecemasan ini.

Saya juga tidak lupa mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pensyarah-pensyarah Universiti Putra Malaysia, pegawai-pegawai Jabatan Bomba dan Penyelamat, Pengetua-Pengetua dan murid-murid kedua-dua buah sekolah yang terlibat dengan pengajian ini dan lain-lain individu yang tidak dapat disebutkan namanya yang telah memberi bantuan dan kerjasama yang tidak terhingga nilainya kepada saya untuk menyiapkan kajian ini.

Akhirnya jutaan terima kasih kepada isteri dan ahli-ahli keluarga yang begitu sabar dan tabah serta memberi sokongan moral sepanjang masa saya menyediakan dan menyiapkan kajian projek ini.

SENARAI JADUAL

Bil.	Tajuk	Mukasurat
1.	Perangkaan Kebakaran Sekolah, Institusi Asrama di Semanjung Malaysia	3
2.	Bil. Pelajar Tingkatan 2 dan 5 Yang Terpilih Mengikut Sekolah	24
3.	Sambutan Soalselidik Mengikut Sekolah	25
4.	Frekuensi Jantina	26
5.	Frekuensi Tingkatan (Darjah)	26
6.	Frekuensi Tahu Menggunakan Pili Bomba	27
7.	Frekuensi Tahu Menggunakan Alat Pemadam Api	27
8.	Frekuensi Tahu Menggunakan Penggera Kebakaran	28
9.	Frekuensi Tahu Menggunakan Gegulung Hos	28
10.	Frekuensi Kedet Bomba	28
11.	Pengetahuan Bilangan Pili Bomba Vs Jantina	31
12.	Pengetahuan Jarak Hose Reel Vs Jantina	33
13.	Pengetahuan Jarak Alat Pemadam Api Vs Jantina ...	35
14.	Pengetahuan Jarak Penggera Kebakaran Vs Jantina ...	37

15.	Pengetahuan Bilangan Pili Bomba Vs Sekolah	40
16.	Pengetahuan Jarak Hose Reel Vs Sekolah	42
17.	Pengetahuan Jarak alat Pemadam Vs Sekolah	44
18.	Pengetahuan Jarak Penggera Kebakaran Vs Sekolah ...	46
19.	Pengetahuan Bilangan Pili Bomba Vs Tingkatan	48
20.	Pengetahuan jarak Hose Reel Vs Tingkatan	50
21.	Pengetahuan jarak Pemadam Api Vs Tingkatan	52
22.	Pengetahuan jarak Penggera Kebakaran Vs Tingkatan ...	54
23.	Pengetahuan Bilangan Pili Bomba Vs Fire Drill	57
24.	Pengetahuan Jarak Hose Reel Vs Fire Drill	59
25.	Pengetahuan Jarak Alat Pemadam Api Vs Fire Drill ...	61
26.	Pengetahuan Jarak Penggera Kebakaran Vs Fire Drill	63

ABSTRAK

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan Sarjana Sains Perancangan dan Respons Kecemasan

KAJIAN TAHAP KESEDARAN MURID-MURID SEKOLAH MENENGAH DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR MENGENAI BAHAYA KEBAKARAN

Oleh

MATLIN BIN SITAM

Oktober 1998

Penyelia: Dr. Mohammad Bin Daud,
Universiti Putra Malaysia

Kajian mengenai tahap kesedaran murid-murid sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah dijalankan di S.M.K. Bandar Tun Razak, Jalan Jaya dan S.M.K. Cheras, Jalan Tenteram, Kuala Lumpur. Oleh kerana tahap kesedaran terhadap bahaya kebakaran tidak dapat diukur secara kuantitatif, maka beberapa petunjuk yang tertentu telah digunakan untuk mengkaji tahap kesedaran murid-murid sekolah menengah mengenai bahaya kebakaran seperti jantina, tingkatan, sekolah, kekerapan mengikuti 'fire drill' dan pengetahuan mengenai mengguna dan mengetahui kedudukan alat-alat kebombaian yang terdapat di sekolah.

Pengumpulan maklumat dan data diperolehi melalui soal selidik ke atas responden dan juga lawatan ke sekolah-sekolah berkenaan. Seramai 132 orang responden daripada dua buah sekolah telah dipilih yang terdiri daripada murid-murid dari tingkatan dua dan lima. Analisis data dibuat dengan menggunakan kaedah peratusan, carta frekuensi dan perbezaan ketara minima (Least significant difference). Hasil kajian menunjukkan tidak terdapat hubungkait antara tahap kesedaran murid-murid sekolah menengah di Kuala Lumpur mengenai bahaya kebakaran dengan jantina, tingkatan, sekolah dan kekerapan mengikuti 'fire drill'. Kajian ini juga menunjuk tahap kesedaran murid-murid sekolah menengah adalah tinggi iaitu melebihi 70%.

Beberapa cadangan yang perlu diambil tindakan oleh pihak Kementerian Pendidikan dan Jabatan Bomba dan Penyelamat demi meningkatkan lagi kesedaran dan pengetahuan murid-murid sekolah menengah di Kuala Lumpur dan penekanan adalah diberi kepada latihan kebakaran dan penyelenggaraan peralatan kebombaanan yang terdapat di sekolah-sekolah mengikut garis panduan yang diedarkan oleh Kementerian Pendidikan.

BAB 1

Pengenalan

Latarbelakang

Malaysia adalah sebuah negara pesat membangun, ini terbukti dengan kemunculan bangunan-bangunan tinggi seperti hotel, pusat membeli belah, condominium, institusi pengajian tinggi dan lain-lain lagi. Untuk memastikan keselamatan di bangunan-bangunan tersebut dan persekitarannya, YAB Perdana Menteri sentiasa mengingatkan kita untuk membentuk dan mengamalkan 'Budaya Keselamatan'.

Walaupun negara kita mengalami kegawatan ekonomi pada masa kini namun ciri-ciri keselamatan perlulah diberi perhatian termasuklah meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap bahaya kebakaran dan cara mencegahnya daripada berlaku. Kemusnahan akibat kebakaran akan memberi kesan dan implikasi buruk kepada ekonomi, sosial dan pembangunan negara secara langsung. Kesannya lebih dirasai oleh mangsa atau keluarga mangsa yang telah kehilangan orang yang tersayang. Selain daripada itu, mereka juga akan menanggung kerugian harta benda, hilang tempat kerja, tempat tinggal dan tempat mereka belajar.

Oleh yang demikian, adalah penting untuk menerapkan pengetahuan yang dapat meningkatkan kesedaran terutamanya kepada murid-murid sekolah mengenai bahaya kebakaran di kalangan mereka. Keselamatan kebakaran merupakan salah satu perkara penting di negara ini memandangkan beberapa kejadian kebakaran di beberapa buah sekolah yang telah mengakibatkan kehilangan nyawa dan hartabenda.

Kebakaran Sekolah Agama Taufiqiah Al-Halimiah, Padang Lumat, Yan, Kedah pada 22 September 1989 mengakibatkan kematian 27 orang murid perempuan sekolah berkenaan dan kebakaran di Asrama Sekolah Menengah Sri Inai, Pulau Pinang pada 16 Februari 1989 yang telah merangut nyawa 5 orang murid lelaki sekolah

tersebut. Tragedi tersebut telah menimbulkan kegelisahan ibubapa, orang ramai dan kerajaan mengenai bahaya kebakaran dan keselamatan di sekolah-sekolah di negara ini. Ekoran dari peristiwa yang menyayat hati ini, Jabatan Pendidikan telah mengarahkan pihak sekolah-sekolah untuk meningkatkan pemasangan alat-alat kebombaian di bangunan dan asrama sekolah dan seterusnya mengadakan latihan kecemasan kebakaran lebih kerap lagi bagi meningkatkan pengetahuan murid-murid agar mereka tahu cara bertindak sebelum dan semasa berlakunya kebakaran.

Jadual 1 menunjukkan dalam tahun 1991, sebanyak 29 kejadian kebakaran berlaku di sekolah-sekolah di Semenanjung Malaysia berbanding pada tahun 1997 angka ini telah meningkat kepada 54 iaitu peningkatan hampir dua kali ganda dan jika diambil 7 tahun terakhir (1991 - 1997) secara purata jumlah kes kebakaran ialah 50 kes setahun. Kerugian adalah sebanyak RM953 juta pada akhir tahun 1991 dan angka ini telah meningkat dari tahun ke tahun. Pada tahun 1997 jumlah kerugian ialah RM 17,540.00 peningkatan 18 kali ganda. Jumlah kematian dan kecederaan yang melibatkan murid-murid didapati telah berkurangan tetapi ia masih juga berlaku. Keadaan ini sentiasa mendapat perhatian Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Pembinaan dan penubuhan institusi pengajian tinggi dan sekolah sama ada oleh kerajaan atau pihak swasta perlu diambil perhatian kerana adalah perlu diambil tindakan awal untuk memastikan pemasangan sistem pencegahan keselamatan di sekolah-sekolah dibuat dengan teliti. Perlu juga ditingkatkan kesedaran di kalangan murid-murid dan guru-guru berhubung dengan bahaya kebakaran supaya mengelak atau sebaik mungkin mengurangkan kejadian kebakaran.

**Jadual 1 : Perangkaan Kebakaran Sekolah / Asrama
Di Semenanjung Malaysia 1991 - 1997**

Tahun	Jumlah Kebakaran	Bil. Kematian	Bil. Kecederaan	Jumlah Kerugian (Juta)
1991	29	-	-	953
1992	45	31	16	7783
1993	50	-	-	8676
1994	50	-	3	2112
1995	49	-	1	4743
1996	48	-	-	5540
1997	54	2	2	17540
Jumlah	325	33	22	46881

Sumber : Rekod Jabatan Bomba dan Penyelamat 1997

Kenyataan Masalah

Kajian dan tinjauan ke atas kesedaran terhadap bahaya kebakaran di kalangan orang ramai khususnya murid-murid sekolah kurang mendapat perhatian daripada pihak berkenaan. Memandangkan kekerapan berlakunya kebakaran di sekolah atau di asrama satu kajian dijalankan untuk mengetahui tahap kesedaran terhadap bahaya kebakaran di kalangan murid-murid sekolah. Tahap kesedaran bahaya kebakaran di kalangan murid-murid sekolah perlu diketahui bagi memudahkan Jabatan Pendidikan dan Jabatan Bomba dan Penyelamat menyediakan perancangan yang terperinci untuk membentuk polisi dan peraturan yang boleh meningkatkan tahap kesedaran murid-murid sekolah.

Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah seperti berikut:

- i) Untuk mengukur tahap kesedaran murid-murid sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terhadap bahaya kebakaran.
- ii) Untuk menilai pengetahuan murid-murid sekolah menengah di Kuala Lumpur mengenai penggunaan peralatan kebombaam yang terdapat di sekolah-sekolah.
- iii) Untuk menilai pengetahuan murid-murid sekolah menengah di Kuala Lumpur mengenai bilangan dan letak kedudukan alat-alat kebombaam yang terdapat di sekolah.
- iv) Untuk menilai murid-murid sekolah menengah yang menyertai kedet bomba tentang bahaya kebakaran.
- v) Untuk mengetahui tahap kesedaran murid-murid sekolah menengah yang menyertai 'fire drill' mengenai bahaya kebakaran.
- vi) Untuk membuat cadangan kepada Jabatan Pendidikan dan Jabatan Bomba dan Penyelamat supaya memantapkan kempen mencegah kebakaran.

Kepentingan Kajian

Adalah diharapkan dengan adanya kajian ini kelak beberapa penemuan seperti dibawah dapat diperolehi:-

- i) Kajian ini dapat digunakan untuk meninjau sejauh manakah keberkesanan ceramah, seminar, kempen mencegah kebakaran dan latihan kebombaam yang diadakan di sekolah-sekolah mencapai matlamatnya.

- ii) Dapat digunakan oleh Jabatan Pendidikan dan Jabatan Bomba dan Penyelamat merangka satu strategi pencegahan kebakaran di sekolah-sekolah yang lebih efektif dan berkesan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan murid-murid sekolah terhadap bahaya kebakaran.
- iii) Dapat membantu Jabatan Bomba dan Penyelamat atau agensi-agensi yang membuat penyelidikan dalam aspek kebombaian untuk rujukan.

Skop Kajian

'Target population' dalam kajian ini ialah murid-murid sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan responden-responden yang dipilih adalah terdiri daripada murid-murid tingkatan dua (2) dan tingkatan lima (5) dari dua (2) buah sekolah seperti berikut:-

- i) Sek.Menengah Cheras,
Jalan Tenteram,
56000 W.P.Kuala Lumpur
- ii) Sek. Menengah Bandar Tun Razak,
Jalan Jaya,
56000 W.P.Kuala Lumpur

Batasan Kajian

Semasa menjalankan kajian ini, pengkaji telah menghadapi beberapa halangan seperti berikut :-

i) **Masa**

Masa yang ditetapkan untuk menjalankan kajian ini hanya selama 8 minggu sahaja. Masa ini agak singkat untuk pengkaji membuat satu kajian yang mendalam dan menyeluruh mengenai tahap bahaya terhadap bahaya kebakaran di kalangan murid-murid sekolah menengah di Kuala Lumpur. Untuk mengatasi masalah tersebut, kajian hanyalah tertumpuh kepada murid-murid di tingkatan dua dan lima dari dua buah sekolah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja.

ii) **Tenaga Manusia**

Kajian hanya dibuat oleh seorang peserta sahaja. Bilangan ini adalah terhad bagi menjalankan satu kajian yang sangat luas skopnya dan tidak dapat atau berkemampuan untuk mendapatkan sampel yang lebih besar.

iii) **Kewangan**

Pengkaji juga menghadapi masalah kewangan bagi membolehkan satu kajian yang luas skopnya dijalankan.

iv) **Sumber Maklumat**

Pengkaji juga menghadapi masalah untuk mendapat maklumat berhubung dengan subjek ini disebabkan tidak terdapat kajian serupa ini dijalankan sebelumnya.

Hipotesis Kajian

Kaedah untuk mengenalpasti tahap pengetahuan para pelajar adalah dengan menyediakan hipotesis-hipotesis seperti berikut :

i) **Jantina**

Ho : Terdapat perbezaan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan mengenai kesedaran berkaitan dengan bahaya kebakaran;

Ha : Tidak terdapat perbezaan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan mengenai kesedaran berkaitan dengan bahaya kebakaran.

ii) **Umur**

Ho : Terdapat perbezaan tahap kesedaran bahaya kebakaran di antara pelajar-pelajar tingkatan dua dan tingkatan lima;

Ha : Tidak terdapat perbezaan tahap kesedaran bahaya kebakaran di antara pelajar-pelajar tingkatan dua dan tingkatan lima.

iii) **Sekolah**

Ho : Terdapat perbezaan tahap kesedaran bahaya kebakaran di antara murid-murid di sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur;

Ha : Tidak terdapat perbezaan tahap kesedaran bahaya kebakaran di antara murid-murid sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

iv) **Kekerapan Mengikuti 'Fire Drill'**

Ho : Terdapat peningkatan tahap kesedaran bahaya kebakaran di kalangan murid-murid mengikuti kekerapan menyertai 'Fire Drill'.

Ha : Tidak terdapat peningkatan tahap kesedaran bahaya kebakaran di kalangan murid-murid mengikuti kekerapan menyertai 'Fire Drill'.



BIBLIOGRAFI

1. **“ Research Methods For Business, A Skill Building Approach”**
Sakaran Uma, 1992 – Second Edition, John Wiley & Sons.
2. **“Teknik Memengah dan Memadam Kebakaran”**
Dato’ Hj. Badarudin Bin Hj. Mat Isa, 1981 – Percetakan Watan , K.Lumpur
3. **“National Protection Handbook”**
National Fire Protection Association, 7th Edition, 1986
4. **“Science and Huyman Behavior”**
Skinner B.F, - New York, Macmillan, 1984
5. **“Learn Not To Burn Curriculum”**
Grant R.W, 1981 – National Fire Protection Association
6. **“Fire and Building”**
The Aqua Group, 1984 – William Collins Sons & Co. Ltd.
7. **“Introduction To Fire Prevention”**
J.C Robertson , 1975
8. **“Life Safety Code Handbook”**
National Fire Protection, 4th Edition.